



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN STRATEGI PENGAJARAN TIMBAL BALIK TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA, MINAT DAN KESERONOKAN MEMBACA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN STRATEGI PENGAJARAN TIMBAL BALIK
TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA, MINAT
DAN KESERONOKAN MEMBACA**

OOI LI JIE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PEDAGOGI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESAN STRATEGI PENGAJARAN TIMBAL BALIK
TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA, MINAT DAN
KESERONOKAN MEMBACA

No. Matrik / Matric's No.: M20172001760

Saya / I : OOI LI JIE

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11/8/2020

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuda/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



**Sila tanda (□)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 11 (hari bulan) OGOS (bulan) 2020.

i. Perakuan pelajar :

Saya, OOI LI JIE (M20172001760), FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KESAN STRATEGI PENGAJARAN TIMBAL BALIK TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA, MINAT DAN KESERONOKAN MEMBACA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. GOH SWEE CHOO (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN STRATEGI PENGAJARAN TIMBAL BALIK TERHADAP KEMAHIRAN MEMBACA, MINAT DAN KESERONOKAN MEMBACA (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PEDAGOGI) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Saya berasa amat bersyukur kerana akhirnya saya dapat menghasilkan disertasi ini walaupun menempuh pebagai cabaran. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada penyelia disertasi saya Prof. Madya Dr. Goh Swee Choo dari Fakulti Pembangunan Manusia kerana sentiasa memberi bimbingan serta sokongan kepada saya sepanjang proses ini. Proses penghasilan kajian ini merupakan detik-detik yang amat bermakna kepada kehidupan saya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pelbagai pihak yang membantu melancarkan kajian ini terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Kinta Utara serta sekolah-sekolah kajian yang terlibat. Bantuan anda amat penting untuk menjayakan kajian ini.



Selain itu, ribuan terima kasih diucapkan kepada kedua-dua ibu-bapa serta ahli keluarga yang saya kasihi kerana sentiasa memberi sokongan padu sepanjang proses pengajian ini. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi sokongan serta dorongan kepada saya.

Akhir sekali, penghargaan dituju kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan memberi sokongan kepada saya untuk menghasilkan kajian ini. Jasa anda sentiasa dikenang. Terima kasih.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan penggunaan Strategi Pengajaran Timbal Balik (SPTB) terhadap kemahiran membaca, kemajuan kemahiran membaca, minat dan keseronokan membaca murid dalam mata pelajaran Bahasa Cina. Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimen kuasi. Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Kinta Utara, negeri Perak. Seramai 63 orang murid Tahun Lima dilibatkan. Kelas rawatan dan kawalan ditentukan secara rawak. Sebanyak 35 orang murid dalam kumpulan rawatan diajar menggunakan SPTB dan 28 orang murid dalam kumpulan kawalan diajar menggunakan teknik konvensional. Data kuantitatif tentang kemahiran membaca dikutip melalui ujian pra, ujian pertengahan 1 dan 2, ujian pos dan data tentang minat dan keseronokan membaca dikutip melalui soal selidik. Data kualitatif juga dikutip untuk menyokong data-data kuantitatif melalui temu bual. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran membaca antara kumpulan rawatan ($M=58.06$, $SP=16.37$) dan kumpulan kawalan ($M=48.18$, $SP=19.62$) dalam ujian pos, $t(61)=3.13$, $p<0.05$. Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan dalam kemahiran membaca antara kumpulan rawatan ($M=48.82$, $SP=17.52$) dan kumpulan kawalan ($M=42.43$, $SP=13.90$), $t(61)=1.58$, $p>0.05$ dalam ujian pertengahan 1. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan kemahiran membaca yang signifikan dalam ujian pertengahan 2 antara kumpulan rawatan ($M=52.83$, $SP=16.25$) dan kumpulan kawalan ($M=42.82$, $SP=16.04$), $t(61)=2.44$, $p<0.02$. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam minat membaca antara murid kumpulan rawatan ($M=39.29$, $SP=4.21$) dan kumpulan kawalan ($M=34.50$, $SP=3.70$), $t(61)=4.73$, $p<0.05$ serta keseronokan membaca antara kumpulan rawatan ($M=27.83$, $SP=5.26$) dan kumpulan kawalan ($M=24.21$, $SP=4.92$), $t(61)=2.79$, $p<0.05$. Seramai 10 orang responden telah di temu bual. Data temu bual pula menunjukkan bahawa murid suka membaca dan aktiviti membaca merupakan sesuatu yang menarik bagi mereka selepas penggunaan SPTB. Kesimpulannya, SPTB dapat meningkatkan kemahiran membaca murid di samping dapat meningkatkan minat dan keseronokan membaca murid. Oleh itu, SPTB harus digunakan secara meluas dalam penguasaan kemahiran membaca terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Cina.





THE IMPACT OF RECIPROCAL TEACHING STRATEGIES ON READING COMPREHENSION SKILLS, READING INTERESTS AND READING ENJOYMENT.

ABSTRACT

This study aimed to determine the impact of using Reciprocal Teaching Strategies in pupils' reading comprehension skills, reading interests and reading enjoyment in Chinese language. A quasi-experimental design was used to conduct this study. The subjects of the study consisted of 63 pupils of a Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) from Kinta Utara district, Perak. There were 35 pupils in the treatment group and 28 pupils in the control group. The groups were formed through random assignment. The treatment group was taught using the Reciprocal Teaching Strategy while the control group was taught using the conventional method. The quantitative data of the reading comprehension skills was collected from the pretest, test 1, test 2 and post test conducted. The quantitative data of reading interest and reading enjoyment were collected through a survey while the qualitative data came from the analysis of the interview to support the quantitative data. The results revealed a significant difference in reading comprehension skills between the treatment group ($M=58.06$, $SP=16.37$) and the control group ($M=48.18$, $SP=19.62$), $t(61)=3.13$, $p<0.05$ in the post test scores. However, the results did not show any significant differences in reading comprehension skills between the treatment group ($M=48.82$, $SP=17.52$) and the control group ($M=42.43$, $SP=13.90$), $t(61)=1.58$, $p>0.05$ in the first test. However, there was a significant difference in reading comprehension skills between the treatment group ($M=52.83$, $SP=16.25$) and the control group ($M=42.82$, $SP=16.04$), $t(61)=2.44$, $p<0.05$ in the second test. The results of the questionnaire showed that the reading interests was significantly higher for the treatment group ($M=39.29$, $SP=4.21$) when compared with the control group ($M=34.50$, $SP=3.70$), $t(61)=4.73$, $p<0.05$. Similarly, the results also revealed a significant difference between the treatment group ($M=27.83$, $SP=5.26$) and the control group ($M=24.21$, $SP=4.92$), $t(61)=2.79$, $p<0.05$ in the reading enjoyment scores. There were ten students from the treatment group who were interviewed. They interview data showed that the students like reading and they were interested in reading activities after using SPTB. In conclusion, Reciprocal Teaching Strategies had a positive impact on pupils' reading comprehension skills, reading interests and reading enjoyment. The findings of this study are expected to be useful to the teachers and pupils towards improving the achievement of reading comprehension. Thus, SPTB should be widely used especially in teaching and learning of reading comprehension skills.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 Pengenalan	

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	13
1.7	Kerangka Teoretikal Kajian	13
1.7.1	Teori Konstruktivisme Sosial	14





1.7.2	Pembelajaran Koperatif	15
1.7.3	Strategi Pengajaran Timbal Balik (SPTB)	16
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	17
1.9	Definisi Operasional	18
1.9.1	Strategi Pengajaran Timbal Balik	19
1.9.2	Teknik Konvensional	19
1.9.3	Kemahiran Membaca	19
1.9.4	Minat	20
1.9.5	Keseronokan	20
1.10	Kepentingan Kajian	20
1.11	Limitasi Kajian	22
1.12	Rumusan	23



BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Teori Belajar Yang Berkaitan Dengan Strategi Pengajaran Timbal Balik	25
2.2.1	Teori Konstruktivisme Sosial	25
2.2.2	Teori Pembelajaran Koperatif	28
2.3	Strategi Pengajaran Timbal Balik	32
2.3.1	Empat Strategi Membaca dalam Strategi Pengajaran Timbal Balik	35
2.4	Kemahiran Membaca	36
2.4.1	Definisi Kemahiran Membaca	37
2.4.2	Jenis-jenis Kemahiran Membaca	40





2.4.3	Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Membaca	41
2.5	Minat Membaca	42
2.6	Keseronokan Membaca	45
2.7	Kajian-Kajian Strategi Pengajaran Timbal Balik	46
2.8	Kesimpulan	49
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Ancaman-ancaman yang dikawal	53
3.3.1	Ancaman terhadap Kesahan Dalaman	53
3.3.2	Ancaman terhadap Kesahan Luaran	57
3.4	Lokasi Kajian	57
3.5	Subjek Kajian	58
3.6	Instrumen-instrumen Kajian	60
3.6.1	Ujian Pra dan Pos	62
3.6.2	Kesahan Kandungan Ujian Pra dan Pos	67
3.6.3	Soal Selidik	69
3.7	Kajian Rintis	71
3.8	Temu Bual	73
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	75
3.10	Pelaksanaan Pengajaran Dengan SPTB	76
3.10.1	Latihan Guru	77
3.10.2	Pembentukan Kumpulan Koperatif	81
3.10.3	Latihan SPTB Terhadap Kumpulan Rawatan	82





3.11	Analisis Data	84
3.11.1	Analisis Data Kuantitatif	84
3.11.2	Analisis Data Kualitatif	86
3.12	Kesimpulan	86

BAB 4 DAPATAN DATA

4.1	Pengenalan	87
4.2	Hasil Kajian	88
4.2.1	Analisis Ujian T Bagi Ujian Pra	88
4.2.2	Analisis Ujian-T bagi Ujian Pos	89
4.2.3	Analisis Ujian Pra, Ujian Pertengahan dan Ujian Pos	91
4.3	Analisis Data Soal Selidik	93
4.3.1	Analisis Ujian T bagi Minat Membaca Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	94
4.3.2	Analisis Ujian T bagi Keseronokan Membaca Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	95
4.4	Analisis Temu Bual Guru A	96
4.5	Analisis Temu Bual Murid	100
4.6	Kesimpulan	103

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	105
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	105
5.2.1	Kesan Strategi Timbal Balik ke atas Kemahiran Membaca	105
5.2.2	Kesan Strategi Timbal Balik ke atas Kemajuan Kemahiran Membaca	107
5.2.3	Kesan Strategi Timbal Balik ke atas Minat Membaca	110





5.2.4 Kesan Strategi Timbal Balik ke atas Keseronokan Membaca 111

5.3 Implikasi Kajian 115

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan 117

5.5 Kesimpulan 118

RUJUKAN

LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
------------	------------

3.1 Reka Bentuk Siri Masa	53
3.2 Demografi Subjek Kajian	60
3.3 Instrumen Berdasarkan Persoalan Kajian	61
3.4 Huraian Standard Pembelajaran Kemahiran Membaca	64
3.5 Format Soalan Ujian	66
3.6 Julat Gred Permarkahan	67
3.7 Senarai Semak Kesesuaian Soalan	68
3.8 Skor Penilaian Item	69
3.9 Skala Likert	71
3.10 Bacaan Alpha Conbach	72
3.11 Sumber Data	75
3.12 Latihan Guru	78
3.13 Contoh Rancangan Pengajaran dan Pemudahcaraan	79
3.14 Latihan SPTB	83
3.15 Ringkasan Kaedah Analisis Data Kuantitatif	85
4.1 Analisis Keputusan Ujian Pra	89
4.2 Analisis Keputusan Ujian P0s	90
4.3 Analisis Keputusan dalam Empat Kali Ujian	91





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

4.4	Analisis Ujian-T Bagi Minat Membaca Kumpulan Rawatan dan Kawalan	94
4.5	Analisis Ujian-T Bagi Keseronokan Membaca Kumpulan Rawatan dan Kawalan	95



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

1.1	Kerangka Kajian	18
2.1	Kerangka Teoretikal	34
3.1	Pelaksanaan Pengajaran dalam Kajian	77
3.2	Pembentukan kumpulan Koperatif	82
4.1	Kemajuan Kemahiran Membaca Murid dari Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	93



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI SINGKATAN

JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SPSS	Statistic Package For Social Sciences
SPTB	Strategi Pengajaran Timbal Balik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Penilaian Item
- B Pengubahsuaian Item
- C Jadual Spesifikasi Ujian
- D Ujian Pra dan Pos Kemahiran Membaca
- E Ujian Pertengahan 1 Kemahiran Membaca
- F Ujian Pertengahan 2 Kemahiran Membaca
- G Rancangan Pengajaran Harian
- H Analisis Data SPSS
- I Transkrip Temu Bual Bersama Guru
- J Transkrip Temu Bual Bersama Murid
- K Item Soal Selidik
- L Pengesahan Instrumen Kajian
- M Surat Kebenaran EPRD
- N Artikel Jurnal





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832

**1.1 Pengenalan**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang kompleks dan dinamik. Kemahiran membaca melibatkan beberapa proses melalui integrasi dan koordinasi (Hodi, 2018). Membaca bukan semata-mata sesuatu kemahiran tetapi merupakan sesuatu proses sepanjang hidup seseorang.

Menurut Pardede (2008), kemahiran membaca merupakan kemahiran yang terpenting dan perlu dikuasai oleh murid. Membaca dapat memanfaatkan kehidupan murid dengan memberikan mereka impak positif dalam usaha melanjutkan pelajaran mereka. Di samping itu, kemahiran membaca juga dapat meningkatkan kemahiran menulis, kebolehan mengeja perkataan dan pengumpulan kosa kata (Pardede, 2008). Oleh itu, kemahiran membaca merupakan antara kemahiran belajar yang paling penting



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



dan harus dikuasai oleh setiap individu terutama dalam abad ke-21 yang penuh dengan cabaran ini. Situasi juga sama di Malaysia di mana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca) di sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 13/1998 telah dikeluarkan untuk memberi arahan supaya semua sekolah wajib membentuk mekanisme pelaksanaan bagi merancang dan menjalankan aktiviti-aktiviti membaca yang melibatkan semua murid (Md. Akhir, Dali & Saidin, 2017).

Walaupun kemahiran membaca telah diterapkan dalam kurikulum dan dipraktikkan oleh murid dalam setiap subjek terutamanya subjek bahasa, namun masih terdapat banyak murid yang menghadapi masalah membaca. Sebanyak 62% murid gred 12 di Amerika Syarikat mendapat markah kurang dari tahap kompetensi dan ini bermakna 62% murid ini hanya menguasai tahap minima kemahiran membaca (*National Center for Education Statistics*, 2017). Di Malaysia pula, pencapaian dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) sering dijadikan sebagai rujukan. Menurut Laporan PISA 2015 (KPM,2017), skor min Malaysia masih rendah daripada skor purata *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) dalam PISA 2015. Bagi domain literasi bacaan pula, kebanyakan pencapaian murid Malaysia dalam PISA 2015 berada pada aras 2, iaitu sekadar memahami hubungan atau mentafsir maksud khusus sedangkan maklumat tersebut tidak ketara dan membuat perbandingan atau hubung kait antara teks dengan menggunakan pengetahuan luar (KPM,2017). Tambahan pula, keputusan PISA yang terkini iaitu PISA 2018 menunjukkan bahawa Malaysia masih berada pada aras 2 bagi domain literasi bacaan (Schleicher,2019).





Kebanyakan murid di sekolah rendah dapat membaca dengan lancar tetapi mereka tidak dapat menyatakan makna atau kandungan yang telah dibaca oleh mereka (Lubliner, 2002). Murid sekolah menengah menghadapi masalah membaca walaupun mereka dapat menyebut perkataan dengan betul dan memahami makna setiap perkataan dalam teks. Hal ini disebabkan murid perlu memikir lebih dari maksud perkataan supaya dapat mendalami makna idea dan hubungan antara idea yang dinyatakan oleh pengarang (McNamara, Ozuru, Best, & O'Reilly, 2007). Demi menyelesaikan masalah ini, murid perlu dilatih untuk menguasai strategi membaca agar meningkatkan tahap kompetensi membaca mereka. Antara pendekatan-pendekatan pembelajaran yang digunakan untuk meningkat kemahiran membaca murid, Strategi Pengajaran Timbal Balik (SPTB) atau *Reciprocal Teaching* dalam konteks pembelajaran koperatif dapat meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid (Oczkus, 2010).



SPTB mementingkan proses membaca lebih daripada hasil membaca (Komariah, Ramadhona & Silviyanti, 2015). Empat strategi membaca telah ditegaskan dalam SPTB, iaitu meramal, menyoal, menjelas dan merumus oleh Palinscar and Brown (1984). SPTB bertujuan untuk mengajar teknik atau strategi kepada murid agar mereka berupaya mengatasi masalah yang berlaku dalam aktiviti membaca (Oraib, 2017).

Demi meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran membaca dalam kalangan murid, pengkaji telah menilai keberkesanannya penggunaan SPTB dalam kemahiran membaca dalam kajian ini. Di samping itu, minat membaca dan keseronokan membaca selepas penggunaan SPTB diberi penekanan dalam kajian ini. Minat membaca dan keseronokan penting kerana aspek afektif ini dapat mempengaruhi sejauh





mana murid akan berusaha dalam proses membaca. Jika murid diberi peluang untuk memilih bahan bacaan yang diminati, mereka didapati akan mempunyai pemahaman dan penguasaan yang ilmu yang lebih baik terhadap bahan yang dibaca itu (Roe, Smith & Kolodziej, 2019).

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia mempunyai keunikannya dari segi kepelbagaian kaum yang hidup di bawah satu masyarakat. Sesuatu yang amat penting bagi kepelbagaian negara adalah apabila sekolah dapat menyediakan peluang bagi kanak-kanak Malaysia hidup dan belajar daripada kanak-kanak lain daripada setiap kumpulan etnik, agama, dan budaya

(KPM,2017). Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan sebagai usaha menyusun semula dan menambah baik kurikulum sedia ada bagi memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai relevan untuk memenuhi keperluan semasa serta menghadapi cabaran abad ke-21 (Bahagian Pembangunan Kementerian, 2011).

KSSR digubal dalam pernyataan standard terdiri daripada standard kandungan dan pembelajaran yang perlu dicapai murid dalam satu tahap persekolahan. Standard Kandungan ialah pernyataan spesifik mengenai perkara murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai, manakala Standard Pembelajaran ialah penetapan kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.





Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Malaysia, Bahasa Cina digunakan sebagai bahasa pengantar utama dan pada masa yang sama Bahasa Cina merupakan salah satu bahasa yang wajib dipelajari oleh semua murid di Malaysia. Kemahiran bahasa yang dirangkumi dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Tahun 5 (DSKP) (2014) termasuk mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Peruntukan waktu bagi kurikulum persekolahan untuk SJKC tahap II Bahasa Cina di sekolah adalah 300 minit seminggu (KPM, 2011). Menurut KPM (2014), dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran(DSKP) Bahasa Cina Tahun 5, masa yang diperuntukkan untuk kemahiran membaca adalah sebanyak 120 minit setiap minggu. Hal ini disebabkan kemahiran membaca merupakan antara kemahiran yang terpenting dalam kandungan pembelajaran Bahasa Cina (KPM, 2014). Tambahan pula, murid harus banyakkan membaca dalam konteks menambah bilangan membaca dan membaca bahan bacaan yang berlainan jenis. Murid harus dilatih supaya banyak membaca agar mereka berupaya membaca secara berdikari, mengumpul perbendaharaan kata serta meningkatkan kemahiran literasi (KPM, 2014).

Dalam dokumen KPM (2014), pembelajaran membaca yang dijalankan seharusnya mengutamakan minat dan tabiat membaca murid, bahan bacaan yang dipilih harus mempunyai unsur kepelbagaiannya supaya dapat menarik minat murid di samping memperluas pengalaman murid. Format Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang baharu dan ditambah baik akan digunakan mulai tahun 2016 untuk mentaksirkan pengetahuan dan kemahiran seperti yang dinyatakan dalam matlamat dan objektif KSSR dan melengkapi pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. UPSR juga





memberi penekanan kepada penguasaan literasi, numerasi dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi berhasrat untuk mentaksir pencapaian pembangunan kemahiran seperti penyelesaian masalah, penaakulan dan kreativiti (KPM, 2014).

Selain itu, format soalan bagi mata pelajaran bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil telah diselaraskan. Format baharu ini berlainan dengan format lama dari segi jenis soalan kefahaman. Kertas pemahaman Bahasa Cina dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A terdiri daripada 20 soalan aneka pilihan dan murid dikehendaki menjawab soalan kefahaman berbentuk subjektif dalam bahagian B. Sebelum tahun 2016, soalan kefahaman hanya berbentuk aneka pilihan dan tidak dibahagikan kepada dua bahagian. Konstruk yang diuji dalam Kertas Pemahaman Bahasa Cina UPSR termasuk Pengetahuan dan Kefahaman Sistem Bahasa,



Selain itu, sebagai usaha untuk menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, KPM telah melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) bermula pada tahun 2014. Konsep PAK-21 yang menjadi elemen penting Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) diperluas ke semua sekolah dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang (Noorazura, 2017). PAK21 juga dijalankan dalam kelas-kelas Bahasa Cina, beberapa nilai Elemen Merentas Kurikulum(EMK) seperti kreativiti dan inovatif, teknologi maklumat, keusahawanan, kemahiran berfikir aras tinggi diterapkan dalam pembelajaran Bahasa Cina untuk memastikan murid dapat menghadapi cabaran globalisasi (KPM,2014).





1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan laporan awal PPPM 2013-2025 (KPM,2012), keputusan penyertaan kali pertama Malaysia dalam PISA pada tahun 2009 tidak memberangsangkan kerana kedudukan Malaysia berada di tempat sepertiga terbawah bagi Bacaan, Matematik dan Sains. Sebanyak 44% murid yang menyertai PISA gagal mencapai kemahiran minimum dalam bahagian bacaan dan skor min murid Malaysia dalam bacaan adalah sebanyak 414, iaitu lebih rendah daripada purata skor Min OECD (494). Menurut OECD (2013), skor min Malaysia dalam PISA tahun 2012 dalam bahagian bacaan adalah sebanyak 398 dan dikategorikan dalam kumpulan negara yang memperoleh skor min yang rendah daripada purata skor Min OECD(497). Tambahan pula, menurut Laporan PISA 2015 (KPM,2016) skor Min literasi bacaan bagi Malaysia dalam PISA pada tahun 2015 adalah sebanyak 431 dan masih lebih rendah daripada purata skor Min OECD(493). Manakala, dalam keputusan PISA 2018, skor min literasi bacaan bagi Malaysia adalah sebanyak 415. Pencapaian murid Malaysia dalam keempat-empat kali ujian PISA tetap lebih rendah daripada purata skor min OECD.

Oleh itu, penyertaan Malaysia dalam PISA 2009 telah mencetus kepada beberapa inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Beberapa intervensi telah dijalankan dalam sekolah rendah untuk meningkatkan pencapaian Malaysia dalam PISA. Antaranya termasuklah melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan Semula bermula dengan Tahun Satu pada tahun 2017(KPM, 2017). Namun, menurut Oraib (2017), murid dapat membaca dengan lancar tetapi masih tidak berupaya untuk menceritakan semula tentang isi bahan yang telah dibaca itu. Dengan





kata lain, murid menghadapi masalah untuk membaca secara bermakna. Murid masih kurang sedar tentang matlamat sesuatu pembacaan itu dilakukan. Oleh itu, apabila seseorang guru mengeluarkan arahan untuk membaca sesuatu petikan, murid mengikut arahan dan membaca petikan tersebut semata-mata tanpa memikirkan apa yang sedang dibaca sebenarnya (Oraib,2017).

Kekurangan tumpuan guru terhadap penggunaan strategi membaca dalam kalangan murid dalam proses pembelajaran merupakan faktor yang menyumbang kepada kelemahan dalam kemahiran membaca dalam kalangan murid (Oraib,2017). Ini disokong oleh kajian AD-Heisat, Mohammed, Krishnasamy dan Issa (2009) yang telah menunjukkan bahawa guru mengajar strategi membaca tetapi kekerapan penggunaan strategi membaca adalah terhad. Guru hanya memberi fokus kepada strategi membaca yang sama seperti menetapkan matlamat membaca, memahami makna perkataan dan menjawab soalan pemahaman.

Tambahan pula, menurut Doolittle, Hicks, Triplett dan Nichols (2006), kelemahan murid dalam kemahiran membaca adalah disebabkan mereka tidak menguasai strategi membaca. Murid kurang memberi perhatian kepada penggunaan strategi membaca semasa membaca. Mereka kurang membuat ramalan terhadap teks bacaan yang dibaca. Mereka juga tidak meneka maksud perkataan yang tidak difahami dalam teks bacaan. Hal ini telah menjaskan tahap literasi bahasa mereka (Komariah et al., 2015).





Komariah et al, (2015) juga menyatakan bahawa kelemahan dalam kemahiran membaca turut disebabkan oleh tanggapan guru dan murid terhadap proses membaca. Tanggapan ini disokong oleh Oraib (2017) yang mengatakan bahawa guru dan murid terlalu mementingkan hasil membaca sehingga mengabaikan proses membaca yang berlaku. Guru terlalu mengutamakan hasil bacaan murid melalui aktiviti soal jawab. Jawapan yang diberi oleh murid menunjukkan hasil bacaan yang didapati. Hal ini telah menyebabkan murid lemah dalam mengaplikasikan kemahiran metakognitif semasa membaca. (Komariah et al,2015). Huang (2018) menyatakan bahawa guru masih mendominasi proses pengajaran dalam kelas. Pendekatan pengajaran berpusatkan guru masih digunakan oleh guru. Guru mengajar dengan cara memberi input secara sehala dan kurang memberi peluang kepada murid untuk berfikir atau mengeluarkan pendapat (Huang, 2018).



Namun, kalau murid diajar strategi membaca yang betul akan dapat menjawab soalan pemahaman dengan tepat dan menggunakan masa yang lebih singkat berbanding dengan murid yang tidak diajar strategi membaca yang betul (Sousan & Hadi, 2014). Tambahan pula, AD-Heisat et al., (2009) telah melakukan satu kajian tentang pendedahan strategi membaca kepada murid sekolah rendah di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru peka dengan penggunaan strategi membaca dapat memperkembangkan kompetensi bahasa murid tetapi mereka tidak mengaplikasikan sepenuhnya dalam pengajaran sehari-hari. Beberapa strategi seperti meramal, membuat interpretasi dan menghubungkaitkan teks kepada skemata murid kurang digunakan dalam kelas. Oleh itu, murid perlu didedahkan dan dibiasakan dengan penggunaan strategi membaca untuk meningkatkan kemahiran membaca mereka.





Selain itu, Harvey dan Goudvis (2017) menyatakan bahawa kanak-kanak yang membaca tanpa mengetahui mengapa mereka membaca atau meramal apa yang akan mereka dapat selepas membaca sesuatu petikan adalah tergolong dalam jenis pembaca pasif. Menurut Ullah dan Fatema (2013), pembaca pasif adalah hasil daripada guru yang menggunakan pendekatan pengajaran ‘berpusatkan guru’ dan ini dapat menyebabkan murid berasa tidak berminat untuk membaca. Cara guru yang mengajar dengan membaca teks bacaan dan memberitahu makna perkataan serta mendominasi aktiviti bilik darjah menyebabkan murid kehilangan kebebasan dan keseronokan membaca di samping kekurangan peluang untuk menjalankan aktiviti. Hal ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk membaca juga (Ullah & Fatema 2013). Kajian Tiew (2010) telah menunjukkan bahawa hanya 39.13% murid menggunakan 1 – 2 jam sehari untuk membaca. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kurang daripada 50% murid yang berminat untuk membaca setiap hari. Tiew (2010) merumuskan bahawa ini membimbangkan dan disebabkan oleh cara guru mengendalikan kelas.

Memandangkan penggunaan strategi membaca dan minat membaca penting dalam meningkatkan kemahiran membaca, Pardede (2008) menyatakan bahawa kualiti pembelajaran perlu dipertingkatkan dengan menggunakan pendekatan dan teknik yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran membaca di kalangan murid. Gomaa (2015) menyatakan bahawa SPTB merupakan salah satu strategi yang menekankan penggunaan empat strategi membaca seperti meramal, menyoal, menjelas dan merumus dan SPTB didapati dapat meningkatkan kemahiran membaca murid. Oraib (2017) dan Sahab (2014) menunjukkan bahawa penggunaan SPTB dapat meningkatkan kemahiran membaca murid di samping meningkatkan minat dan keseronokan murid semasa





membaca. Namun, setakat mana yang diketahui oleh penyelidik, setelah membuat carian literatur, strategi ini kurang digunakan di sekolah Cina, dan yang ada di jalankan di sekolah menengah. Oleh itu, pengkaji menggunakan SPTB di kalangan murid Sekolah Cina untuk meningkatkan kemahiran membaca mereka.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan SPTB dalam mata pelajaran Bahasa Cina untuk meningkatkan kemahiran membaca. Di samping itu kesan penggunaan SPTB ke atas kemajuan kemahiran membaca, minat serta keseronokan membaca dalam kalangan murid juga ditinjau. Kajian ini dijalankan untuk mencapai



- a) Mengenal pasti perbezaan kemahiran membaca antara murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB dan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang menggunakan teknik pembelajaran konvensional.
- b) Mengenal pasti kesan penggunaan SPTB ke atas kemajuan kemahiran membaca murid kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan.
- c) Mengenal pasti perbezaan minat membaca antara murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB dan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang menggunakan teknik pembelajaran konvensional.
- d) Mengenal pasti perbezaan keseronokan membaca antara murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB dan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang menggunakan teknik pembelajaran konvensional.





1.5 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Beberapa persoalan kajian telah dikenal pasti iaitu :

- i. Adakah wujudnya perbezaan signifikan dalam kemahiran membaca di antara murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB dan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang menggunakan teknik pembelajaran konvensional?
- ii. Apakah kesan penggunaan SPTB ke atas kemajuan kemahiran membaca murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB semasa intervensi dijalankan?
- iii. Adakah wujudnya perbezaan signifikan dalam minat membaca di antara murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB dan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang menggunakan teknik pembelajaran konvensional?
- iv. Adakah wujudnya perbezaan signifikan dalam keseronokan membaca di antara murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB dan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang menggunakan teknik pembelajaran konvensional?





1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis di bawah dibina untuk kajian ini.

- H1: Terdapat perbezaan signifikan dalam kemahiran membaca di antara murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB dan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang menggunakan teknik pembelajaran konvensional.
- H2: Terdapat kenaikan skor min secara berterusan atas kemajuan kemahiran membaca murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB semasa intervensi dijalankan.
- H3: Terdapat perbezaan signifikan dalam minat membaca di antara murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB dan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang menggunakan teknik pembelajaran konvensional.
- H4: Terdapat perbezaan signifikan dalam keseronokan membaca di antara murid kumpulan rawatan iaitu kumpulan yang menggunakan SPTB dan kumpulan kawalan iaitu kumpulan yang menggunakan teknik pembelajaran konvensional.

1.7 Kerangka Teoretikal Kajian

Kerangka teoretikal kajian ini dibina berdasarkan Teori Konstruktivisme Sosial yang dipelopori oleh Lev Vygotsky (1978).





1.7.1 Teori Konstruktivisme Sosial

Perkembangan kognitif individu berlaku dalam dua peringkat iaitu peringkat sosial dan peringkat individu. Pada peringkat sosial, maklumat atau pengetahuan individu dipengaruhi melalui interaksi individu dengan individu lain yang ada di sekelilingnya. Pada peringkat individu pula, individu tersebut berupaya menukar pengetahuan yang diperolehi daripada interaksi sosial kepada kefahaman individu. Kanak-kanak utamanya membina ilmu dan menguasai kemahiran melalui interaksi sosial dan aktiviti sosiobudaya (Vygotsky, 1978). Vygotsky (1978) mendapati bahawa wujudnya satu ruang yang dinamakan Zon Perkembangan Proksimal atau *Zon of Proximal Development* (ZPD). ZPD merupakan istilah yang digunakan oleh Vygotsky untuk menerangkan bagaimana kemahiran-kemahiran yang sukar dilakukan oleh kanak-kanak boleh dijayakan dengan bimbingan orang dewasa atau rakan sebaya yang lebih mahir.

ZPD dibahagikan kepada had atas dan had bawah. Had atas adalah kemahiran yang boleh dicapai dengan bantuan individu yang lebih mahir manakala had bawah bermaksud kemahiran yang telah dicapai sendiri oleh kanak-kanak (A. Rashid, Boon & Syed Ahmad, 2016). Menurut A. Rashid et al. (2016), Vygotsky telah mengasaskan teori *scaffolding*. *Scaffolding* bermaksud mengubahsuai tahap sokongan yang diberikan dan berkait rapat dengan Zon Perkembangan Proksimal. Perbualan dan interaksi adalah alat yang penting dalam proses *scaffolding*. Di samping itu, salah satu aspek penting SBT merupakan *scaffolding* dan arahan eksplisit yang digunakan oleh seseorang guru semasa mengukuhkan strategi membaca dalam kalangan murid (Palincsar & Brown, 1984; Gomaa, 2015).





1.7.2 Pembelajaran Koperatif

Mengikut teori konstruktivisme sosial, kanak-kanak membina ilmu melalui proses sosialisasi. Proses sosialisasi berlaku apabila murid belajar menggunakan pembelajaran koperatif. Ini disebabkan pembelajaran koperatif merupakan satu strategi pengajaran umum yang boleh dilaksanakan dalam kumpulan belajar yang kecil dimana murid berinteraksi sesama sendiri bagi menyelesaikan tugas untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Ianya melibatkan perkongsian pembelajaran atau daptan di antara ahli-ahli dalam kumpulannya. Pembelajaran koperatif merupakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan murid untuk menggunakan segala kemahiran dan kebolehan pelbagai dan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk merealisasikan matlamat kumpulan bersama (Fadzilah, 2017).



Pembelajaran koperatif boleh ditakrifkan sebagai kaedah pengajaran yang melibatkan murid dalam proses pembelajaran agar mereka memahami dan mempelajari kandungan pembelajaran sesuatu subjek (Slavin, 1980). Mengikut Johnson dan Johnson (2002), tidak semua bentuk pembelajaran dalam kumpulan itu adalah pembelajaran koperatif. Sesuatu pembelajaran koperatif perlu mengandungi elemen berikut: saling kebergantungan secara positif, akauntabiliti individu, interaksi kumpulan dan kemahiran sosial.

Umi Kalthom dan Ahmad (2015) menyatakan bahawa pembelajaran koperatif boleh membantu seseorang menjadi penyelesai masalah yang baik kerana melalui perbincangan seseorang itu akan mendapat pelbagai perspektif dalam penyelesaian masalah. Dalam pembelajaran koperatif, murid bertanggungjawab ke atas





pembelajaran rakan-rakan sepasukan mereka selain daripada pembelajaran mereka sendiri. Semua ahli kumpulan mempunyai matlamat pasukan dan mereka menekankan kejayaan pasukan. Semua ahli dalam pasukan memberi komitmen yang diperlukan supaya dapat memperoleh kejayaan pasukan (Slavin, 1980). Menurut Rodli dan Prastyo (2017), SPTB merupakan kaedah pembelajaran koperatif yang menggalakkan penglibatan murid dalam perbincangan kumpulan di samping dibimbing oleh guru menggunakan arahan yang eksplisit.

1.7.3 Strategi Pengajaran Timbal Balik

SPTB amat berkaitan dengan Teori Konstruktivisme Sosial dan pembelajaran koperatif.



Menurut Palincsar (2013), SPTB merupakan teknik pebincangan *scaffolded* yang dibina berdasarkan empat strategi yang digunakan untuk membaca dan memahami teks iaitu: meramal, menyoal, menjelas dan merumus. SPTB bertujuan untuk mengajar teknik atau strategi kepada murid agar mereka berupaya mengatasi masalah yang berlaku dalam aktiviti membaca.

Terdapat beberapa matlamat penggunaan SPTB, antaranya termasuk meningkatkan kemahiran membaca murid dalam menggunakan empat strategi iaitu meramal, menyoal, menjelas dan merumus, membimbang murid untuk menjadi berfikir secara metakognitif dan reflektif dalam penggunaan strategi serta membantu murid untuk menggunakan proses sosialisasi dalam pembelajaran kemahiran membaca.






Dalam pembelajaran SPTB, murid membaca dengan menggunakan cara yang sistematis dengan mengaplikasikan empat strategi berfikir: menjelas, menyoal, merumus dan meramal (Alfassi, 1998). Penggunaan dan penerapan empat strategi berfikir dalam pembelajaran membaca dipercayai dapat meningkatkan kemahiran membaca murid di samping mewujudkan kesedaran mereka tentang apa yang sedang dibaca oleh mereka (Oczkus, 2010).

Palinscar dan Brown (1984) telah memilih empat strategi tersebut untuk diajar kepada murid selepas mereka mengaplikasikan strategi tersebut kedalam konteks pembelajaran yang berlainan dan mendapati bahawa keempat-empat strategi tersebut merupakan strategi asas. Murid akan menggunakan strategi tersebut untuk menjadi pembaca yang aktif dan berupaya mendalami makna sesuatu teks yang dibaca. Secara tuntasnya, SPTB menegaskan penggunaan empat strategi dalam aktiviti membaca supaya matlamat membaca dapat dicapai.

1.8 Kerangka Kajian

Kajian ini akan mengkaji kesan SPTB terhadap kemahiran membaca, minat membaca dan keseronokan membaca dalam kalangan murid. Kumpulan rawatan akan diajar menggunakan SPTB. Manakala kumpulan kawalan akan diajar menggunakan teknik konvesional.





Rajah 1.1. Kerangka Kajian

1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah digunakan untuk menggambarkan maksud kajian. Antara istilah yang digunakan adalah:



1.9.1 Strategi Pengajaran Timbal Balik

Dalam kajian ini, SPTB merupakan intervensi yang dijalankan ke atas kumpulan rawatan. Murid yang terlibat dengan kaedah ini akan menggunakan empat strategi membaca yang disarankan dalam SPTB iaitu: (1) meramal; (2) menyoal; (3) menjelas; dan (4) merumus (Oczkus, 2010).

1.9.2 Teknik Konvensional

Dalam kajian ini kaedah konvensional merujuk kepada pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru. Pengajaran teknik konvensional ialah kaedah ceramah yang diiringi dengan penjelasan yang diberi oleh guru serta pembahagian tugas dan latihan. Oleh itu,



kegiatan guru yang utama adalah menerangkan dan murid mendengar atau mencatat apa yang disampaikan guru.

1.9.3 Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca dalam kajian ini merujuk kepada keupayaan murid untuk mendapat informasi daripada membaca sesuatu bahan serta mengamalkan sikap membaca yang positif (KPM, 2012).





1.9.4 Minat

Minat dalam kajian ini merujuk kepada minat membaca murid dalam mata pelajaran Bahasa Cina kesan dari penggunaan SPTB bagi kumpulan rawatan dan teknik konvensional bagi kumpulan kawalan.

1.9.5 Keseronokan

Keseronokan dalam kajian ini merujuk kepada perasaan seronok atau gembira dari murid yang wujud disebabkan oleh aktiviti membaca kesan dari penggunaan SPTB bagi kumpulan rawatan dan teknik konvensional bagi kumpulan kawalan.



1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana kesan SPTB terhadap kemahiran membaca, minat membaca dan keseronokan membaca dalam kalangan murid. Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada perancang kurikulum, guru-guru, para pentadbir sekolah dan guru pelatih.

Kajian ini menggunakan SPTB dalam pembelajaran murid. Kajian ini diharapkan dapat memberi satu pendedahan dan pengalaman yang baharu kepada golongan guru tentang cara pengendalian dan rancangan aktiviti yang menggunakan kedua-dua strategi ini.





Selain itu, guru juga dapat memperoleh dan mengukuhkan ilmu pedagogi tentang pembelajaran koperatif. Guru dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan dan merancang pengajaran menggunakan kaedah yang sesuai dengan murid. Ilmu ini amat membantu dalam usaha penyediaan rancangan pengajaran Bahasa Cina ataupun mata pelajaran lain.

Menerusi kajian ini, murid-murid diberi peluang untuk menjalankan aktiviti pembelajaran menggunakan SPTB. Pelbagai strategi membaca yang akan didedahkan kepada murid. Strategi-strategi ini amat berguna dan dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid.

Melalui kedah pembelajaran koperatif, murid mempunyai peluang untuk berinteraksi dengan rakan kumpulan untuk mencapai sesuaian matlamat kumpulan. Dalam proses ini, hubungan murid akan terjalin di samping meningkatkan motivasi belajar murid.

Kajian ini diharapkan dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran murid dalam kemahiran membaca di samping meningkatkan prestasi murid. Kajian ini dapat digunakan sebagai rujukan oleh KPM dalam usaha membuat perancangan pendidikan terutamanya pendidikan Bahasa Cina bagi sekolah rendah.





1.11 Limitasi Kajian

Kajian ini berbentuk kuasi-eksperimental untuk menilai kesan SPTB terhadap kemahiran, minat dan keseronokan membaca. Penyelidik menghadapi beberapa kekangan dan limitasi sepanjang kajian dijalankan.

a) Sampel Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada mata pelajaran Bahasa Cina murid sekolah rendah sahaja. Sasaran kajian ini hanya melibatkan murid Tahun lima yang mempunyai kemahiran membaca sederhana di mana mereka berupaya membaca sesuatu petikan tetapi menghadapi masalah dalam memahami isi yang dibaca. Tambahan pula, kajian ini melibatkan murid lelaki dan perempuan tetapi perbezaan dari segi jantina tidak diambil kira. Dapatan kajian adalah terbatas kepada sampel yang dikaji sahaja.



Kajian ini juga terbatas kepada kemahiran membaca sahaja dan kemahiran bahasa yang lain seperti bertutur, mendengar dan menulis tidak difokus.

c) Jangka Masa Kajian

Jangka masa juga merupakan salah satu limitasi kajian ini. Jangka masa kajian ini dijalankan adalah sepanjang sepuluh minggu dan empat kali ujian dijalankan. Intervensi dan pengukuran hanya dijalankan sepanjang tempoh masa kajian yang ditetapkan.





d) Reka bentuk kajian

Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan data kualitatif sebagai sokongan kepada data kuantitatif. Dalam kajian ini, hanya melibatkan dua jenis teknik pengajaran iaitu SPTB dan teknik pengajaran konvensional.

1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini telah membincangkan tantang persoalan utama kajian seperti latar belakang kajian, objektif kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teoretikal kajian, kerangka konseptual kajian dan

operasional. Kemahiran membaca merupakan antara kemahiran yang terpenting dan perlu dikuasai oleh murid. Kemahiran membaca seseorang akan menjelaskan pencapaian keseluruhan sesuatu subjek. Hal ini disebabkan kemampuan untuk memahami dan menggunakan maklumat yang terkandung dalam teks akan membantu meningkatkan pencapaian murid dalam pelbagai bidang. Oleh itu, SPTB yang menekankan penggunaan empat strategi berfikir mampu meningkatkan kemahiran membaca, minat membaca murid serta keseronokan membaca.

